



Rujukan Kami : JPNSW(SSM).500-8/3/14 Jld.2(30)
Tarikh : 05 Ogos 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN


Tuan,

PELANTIKAN URUS SETIA PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KENEGARAAN MODUL SEMARAK ENDAH; KAMI WARIS NEGARA (SEKAWAN) MALAYSIA MADANI KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Akademi Kenegaraan Malaysia bersama-sama YAB Perdana Menteri Malaysia bertarikh 27 Februari 2024 telah memutuskan tentang keperluan untuk merangka satu strategi penting bagi memberikan penerangan dan penjelasan kepada rakyat khususnya penjawat awam mengenai konsep Malaysia MADANI.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf (JIPS) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 1/2024 bertarikh 19 Ogos 2024 telah memutuskan pelaksanaan Latihan Kenegaraan Semarak Endah; Kami Waris Negara (SEKAWAN) Malaysia MADANI KPM bermula bulan September tahun 2024 hingga tahun 2026.
4. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Program Latihan Kenegaraan SEKAWAN Malaysia MADANI dengan penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) pelbagai gred dari pelbagai jenis sekolah bagi Zon Sarawak akan dilaksanakan mulai bulan Ogos 2025.
5. Untuk makluman, peruntukan makan minum bagi melaksanakan program ini akan disalurkan ke lokasi yang terpilih manakala tuntutan perjalanan adalah di bawah tanggungan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) masing-masing dengan mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa sekarang serta mengamalkan perbelanjaan berhemah selaras dengan surat daripada KPM no. ruj: KPM.400-2/1/2 Jld.29 (2) bertarikh 31 Januari 2025 mengenai Langkah-Langkah Kawalan Perbelanjaan di Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2025.

...2/-




6. Sehubungan dengan itu, dengan penuh takzimnya Pejabat Pendidikan Daerah yang terpilih sebagai lokasi pelaksanaan dilantik sebagai urus setia untuk menyelaraskan dan bertanggungjawab mengurus setia pelaksanaan kursus di lokasi berkenaan. Semoga dengan pelantikan ini, pegawai tuan dapat memberikan khidmat terbaik bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(CHEN CHWEN SHIN)

Sektor Sumber Manusia

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

JIRLAYA Yimaz/SEKAWAN MADANI 2025/DESKTOP/

SENARAI EDARAN

- 1) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Bau
Jalan Tasik Biru
94000 Bau
Sarawak
- 2) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Betong
Jalan Yong Sha Nen
95700 Betong
Sarawak
- 3) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kuching
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
93050 Petra Jaya, Kuching
Sarawak
- 4) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan
1256 Jalan Dato Mohd. Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak
- 5) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Sri Aman
Tingkat 1-3, Wisma Persekutuan
Jalan Abang Aing
95007 Sri Aman
Sarawak
- 6) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Padawan
Lorong 17, Off Jalan Kapor
Sungai Maong Hilir
93150 Kuching
Sarawak

Senarai Edaran :

- 1. Sony anak Jana**
- 2. Berry Evan anak Nuas**
- 3. Sung Siew Fah**
- 4. Amerul Hazizie bin Ahamad Termaziee**

